

# SIARAN MEDIA

---

## OPERASI AMPANG JAJAR SUNGAI MUDA PULIH SEPENUHNYA 17 MEI 2023

---

Pada 13 Mei 2023 (Sabtu) sekitar jam 8:30 malam, sistem automasi kawalan (SCADA) telah mengalami gangguan teknikal apabila satu pintu kawalan telah terbuka tanpa sebarang amaran menyebabkan air Sungai Muda telah surut ke paras 0.67 meter berbanding 1.85 meter sebelum kejadian.

Sehubungan itu, Pejabat Lembaga Sungai Muda (PLSM) telah mengambil **tindakan serta merta dengan menutup pintu air tersebut secara manual** pada 14 Mei 2023 jam 7:30 pagi.

Tindakan pemulihan bagi menaikkan aras air Sungai Muda telah dibuat melalui pelepasan air daripada Empangan Beris mulai jam 8:45 pagi pada 14 Mei 2023. **Pelepasan takungan Empangan Beris dibuat dengan kadar alir pelepasan maksimum iaitu sebanyak 15m<sup>3</sup>/s sehingga air Sungai Muda mencapai aras minima 1.85 meter** dan operasi pelepasan air Empangan Beris ini telah dimaklumkan dan dipersetujui oleh Lembaga Sumber Air Negeri Kedah.

Sebagai langkah tindakan jangka pendek, semua operasi pintu Ampang Jajar Sungai Muda akan ditukarkan daripada mod automatik ke mod manual sepanjang tempoh musim kering ini.

Bagi memastikan sistem dapat berfungsi dan beroperasi dengan baik, penggantian kesemua 14 alat angkat (actuator) akan disegerakan. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang membuat siasatan terperinci bagi mengenalpasti punca sebenar gangguan teknikal pada sistem kawalan pintu.

Semua agensi-agensi di negeri yang terlibat akan sentiasa memantau perkara ini bagi memastikan sumber dan bekalan air dapat dipulihkan.

Bekalan dijangka pulih sepenuhnya secara berperingkat di semua kawasan termasuk di hujung sistem agihan bekalan sehingga 17 Mei 2023 (Rabu).

Pada masa sama, pihak Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA) telah memasang 'Submersible Pump' bagi membolehkan LRA Kulim HiTech, Sungai Petani & Pinang Tunggal beroperasi. Pihak SADA juga telah memohon bantuan lori tangki air melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) kepada rakan operator dan turut menggerakkan bantuan lori tangki milik SADA kepada pengguna di kawasan terjejas:

- i. Lori Jumbo (10,000 Gallon) = 6 buah
- ii. Lori SADA (2,500 Gallon) = 2 buah
- iii. Lori SADA (1,100 & 600 Gallon) = 4 buah
- iv. Lori Kontrak = 23 buah

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) telah melepaskan air Empangan Mengkuang pada 7:24 pagi 14 Mei 2023 sebanyak 13,000m<sup>3</sup>/jam dan dapat membantu LRA Sungai Dua memproses air terawat sebanyak 800JLH. PBAPP turut menggerakkan lori tangki air dan dibantu oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Pasukan BOMBA Sukarelawan:

- i. Lori PBAPP = 6 buah
- ii. MBPP = 2 buah
- iii. MBSP = 1 buah
- iv. Pasukan BOMBA Sukarelawan = 15 buah

SPAN turut menyelaras bantuan dari rakan operator air untuk mendapatkan bantuan lori tangki air. Antara bantuan lori tangki air yang diterima dari rakan operator air adalah seperti berikut:

- i. Air Selangor (AIS) = 4 buah
- ii. Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) = 1 buah
- iii. Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) = 2 buah
- iv. Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) = 1 buah
- v. Syarikat Air Terengganu (SATU) = 1 buah
- vi. Lembaga Air Perak (LAP) = 2 buah
- vii. Ranhill SAJ (RSAJ) = 1 buah

Bekalan telah mula pulih di mana LRA Kulim HiTech telah kembali beroperasi 100% pada 8:00 malam 14 Mei 2023 (Ahad). Bagi LRA Sungai Petani & Pinang Tunggal, pam Air Mentah LRA Sungai Petani telah beroperasi sebanyak 45% pada jam 10:00 malam manakala Pam Air Mentah LRA Pinang Tunggal telah beroperasi sebanyak 70% pada 10:00 malam 14 Mei 2023.

LRA Sungai Dua pula telah beroperasi menggunakan sumber air mentah Empangan Mengkuang dengan pengeluaran air terawat sebanyak 90% pada 11:00 malam 14 Mei 2023. Sehingga 15 Mei 2023 jam 2:30 petang, aras air di Ampang Jajar telah meningkat kepada 1.7 meter.

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS Malaysia) telah membangunkan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Muda melalui pembinaan infrastruktur tebatan banjir yang telah siap sepenuhnya pada tahun 2015.

Antara komponen utama RTB Sg. Muda termasuk Ampang Jajar Sungai Muda yang beroperasi secara automatik menggunakan sistem automasi Supervisory Control and Data Acquisition (SCADA). Operasi automasi ini dilaksanakan dengan seliaan minima secara manual oleh operator. Ampang Jajar Sungai Muda mempunyai 14 pintu kawalan yang akan dibuka dan ditutup mengikut keperluan bagi mengawal pelepasan air bagi kawalan banjir dan operasi air pasang surut.

## **KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC)**

**16 MEI 2023**

